

Industri agrikomoditi akan perketat SOP



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali - Foto Aizuddin Saad

PUTRAJAYA: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) akan memastikan pemain industri agrikomoditi memperketatkan amalan prosedur operasi standard (SOP) dalam usaha membendung penularan COVID-19.

Menterinya, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, berkata pemain industri juga dikehendaki menambah baik penginapan dan kawalan pergerakan pekerja asing serta meningkatkan saringan untuk pekerja mereka.

Katanya, kementerian akan turut memastikan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 (Akta 446) dipatuhi kerana kegagalan mematuhi boleh menyumbang kepada penyebaran wabak COVID-19.

"Kementerian menyambut baik pengumuman khas Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini.

"Sebagai kementerian yang terbabit secara langsung dengan pertumbuhan ekonomi negara dan eksport sebagai aktiviti utamanya, KPPK akan terus berperanan dalam usaha memastikan

sektor agrikomoditi terus menjadi sumber aset yang menyumbang kepada kemajuan negara," katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Khairuddin berkata, seperti yang diketahui bahawa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan kali kedua (PKP 2.0) tidak sama dengan PKP pertama memandangkan lebih banyak aktiviti ekonomi dibenarkan untuk beroperasi.

Dengan kata lain, tegasnya, melalui inisiatif PERMAI, kerajaan sedar bahawa kesan ke atas ekonomi akan lebih dapat dikawal.

"Sektor agrikomoditi menyumbang melalui pendapatan eksportnya sebanyak RM133.2 bilion atau 15.1 peratus daripada keseluruhan pendapatan eksport negara sehingga November 2020.

"Nilai ini meningkat sebanyak 13.6 peratus berbanding RM117.2 bilion yang direkodkan bagi tempoh sama pada tahun sebelumnya.

"Produk berasaskan sawit adalah penyumbang terbesar iaitu sebanyak 48.6 peratus daripada jumlah eksport barangan agrikomoditi, mencatatkan peningkatan sebanyak 4.8 peratus kepada RM64.8 bilion," katanya.

Beliau menambah, sektor perladangan dan komoditi akan memanfaatkan kebenaran beroperasi bagi sektor perladangan dan komoditi oleh kerajaan sepanjang PKP dan tempoh darurat.

"Sehubungan dengan itu KPPK mengunjurkan pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) pada 2021 sebanyak 19.70 juta tan berbanding 19.14 juta tan pada 2020.

"Ini berikutan jangkaan pengembangan kawasan tanaman sawit matang serta kesan cuaca kering yang mempengaruhi pengeluaran buah tandan segar (BTS) dan seterusnya pengeluaran MSM," katanya.